



UNTUK EDARAN
SEGERA

SIARAN MEDIA

**KELULUSAN RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA
(PINDAAN) 2022 BERI MANFAAT KEPADA 120,000 WARGA ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA; PERUNTUKAN JAMINAN KERAJAAN KE ATAS WANG
PERSARAAN ANGGOTA TENTERA DIPERKENALKAN BUAT KALI PERTAMA
SELEPAS 50 TAHUN**

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan bahawa Rang Undang-Undang (RUU) Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2022 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Y.B. Dato' Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 1 Ogos 2022. Kelulusan yang diperolehi di Dewan Rakyat merupakan satu detik bersejarah sempena ulang tahun LTAT yang ke-50 sejak penubuhannya pada tahun 1972.

Ketua Eksekutif, Dato' Ahmad Nazim berkata, "Ahli Lembaga Pengarah serta barisan pengurusan LTAT mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kanan Pertahanan, Y.B. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein atas sokongan penuh kepada pindaan ini serta penghargaan kepada setiap ahli Dewan Rakyat yang menyertai perbincangan dan menyokong kelulusan RUU ini. Ia menandakan titik permulaan baharu bagi LTAT dalam agenda transformasinya untuk menjadi sebuah dana persaraan yang kompetitif dan mampan dan berupaya untuk memelihara kedudukan sosio-ekonomi kepada hampir 120,000 warga Angkatan Tentera Malaysia."

Pindaan ini menambahbaik dan memperkukuhkan empat (4) aspek penting kepada anggota tentera dan juga LTAT dari segi:

- 1) Perlindungan ke atas wang caruman anggota tentera, melalui jaminan kerajaan yang diperkenalkan sebagai cadangan pindaan;
- 2) Meningkatkan perlindungan sekuriti sosial di mana pencarum dibenarkan mencarum tanpa had; diberi fleksibiliti pengeluaran; dan pencarum juga boleh memilih untuk mengekalkan caruman selepas menamatkan perkhidmatan
- 3) Memperkukuhkan tabdir urus korporat LTAT dengan menambahkan lagi kepakaran yang berpengalaman dan berkelayakan
- 4) Membolehkan penyusunan semula portfolio pelaburan LTAT bagi memastikan LTAT dapat terus membayar dividen di tahap yang kompetitif dan mampan seperti dana-dana persaraan yang lain

Seterusnya, RUU Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2022 ini akan di bawa ke Dewan Negara untuk diluluskan sebelum dimohon perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk menjadi sebahagian daripada RUU Negara.

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA
3 OGOS 2022**

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela.

Di bawah skim LTAT, pencharum dikehendaki mencharum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencharum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencharum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan. LTAT menguruskan hampir RM9.7 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat Disember 2021, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan hartanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusniaga kewangan serta industri berat.

LTAT menawarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencharum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa. Aplikasi MyWIRA ini adalah merupakan alternatif kepada platform atas talian sediaada LTAT seperti e-Kiosks dan i-Wira.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Jabatan Komunikasi
Lembaga Tabung Angkatan Tentera
Tingkat 8, Bangunan LTAT
Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

Laman web: www.ltat.org.my
E-mel: intcomms@ltat.org.my